DEWAN SENATE
BANGUNAN REKTORI
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA

# *Mesyuarat Agung Tahunan Ke 11*

ACCIN



*KANDUNGAN*

**KATA PENGANTAR PENGERUSI ACCIN**

**AGENDA MAT 11**

**MINIT MAT 10**

**MINIT EGM 2018**

**LAPORAN TAHUNAN 2018**

**LAPORAN KEWANGAN 2018**

**LAPORAN PERKEMBANGAN SS & 1N1P 2017-2018**

*LAMPIRAN*

**PERLEMBAGAAN ACCIN 2018**

# AGENDA

# MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

# KE 11

# 16 MAC 2019



## KATA PENGANTAR PENGERUSI ACCIN

Assalamualaikum!. Kita merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah swt kerana diberi keberkatan dan kejayaan untuk terus membina wadah Gabungan Perikatan Badan-badan bukan kerajaan Malaysia (ACCIN). ACCIN terus kukuh diberi sokongan padu dari ahli-ahli gabungan serta pemegang taruh yang lain.

Visi ACCIN untuk menjadi gabungan yang terunggul dalam negara boleh dicapai dengan usaha yang berterusan dan istiqamah.

Usaha untuk menjenamakan ACCIN terhasil dengan ACCIN mewakili NGO-NGO Islam kebangsaan dalam Jawatankuasa Mempromosi Persefahaman dan Keharmonian di Antara Penganut Agama (JKMPKA). ACCIN yang di kenali , di jemput untuk bersama-sama dengan berbagai pihak untuk program- program bersama. Di antaranya:

1. Forum: Religious Values in Countering Terrorism dengan White Merpati Entertainment dan APIUM – Oct 2018
2. APIUM Multi Faith Carnival di Universiti Malaya – Feb 2020
3. Pure Land Peace Forum , Australia dengan Tun Mahathir – June 2019
4. Jerusalem Contention & Solidarity with Palestine: Perspectives from a Palestinian Christian Pastor and a Muslim Imam, bersama Association of NexGen Christians of Malaysia (ANCOM) – March 2019
5. MACSA untuk Kajian Berkala Sejagat (UPR) di UNHCR, Geneva. Isu utama yang di bawa ialah mengenai hak asasi anak-anak Orang Tanpa Kenegaraan (OTK).

Untuk mengerakkan aktiviti ACCIN dengan sumber yang terhad, satu NGO satu program (1N 1P) telah diperkenalkan di mana ahli-ahli gabungan berkerjasama dengan ACCIN untuk melaksanakan program yang berkaitan dengan pelan strategik ACCIN.

Di antara programnya ialah Seminar "Kepimpinan dalam Islam – Deklarasi ACCIN sempena PRU14." Ia mendapat perhatian beberapa parti politik dan di lihat oleh kira-kira 2 juta orang melalui media massa. Begitu juga Wacana Sinar – Peranan NGO dalam Konteks Malaysia Baru" yang mendapat sambutan baik. Beberapa Perbincangan Meja Bulat (RTD) mengenai Isu Uyghur dan Penyelarasan Modul-modul dakwah juga diadakan dengan jayanya.

ACCIN perlu terus dikukuhkan supaya dapat membantu membina ummah dan negara seluruhnya. Usaha NGO –NGO Islam untuk menyampaikan mesej Islam sebagai *rahmatan lil alameen* serta beradvokasi mempertahankan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang negara serta norma nilai hidup masyarakat Malaysia adalah usaha besar membawa harmoni dan persefahaman di kalangan masyarakat majmuk Malaysia yang berteraskan kepada budaya Melayu dan Islam.

Akhir sekali, saya mengucapkan jazakumullah khir kepada semua yang menyumbang secara positif dan memohon maaf di atas segala kelemahan dan salah tutur saya sepanjang menjalankan tugas.



Ir Mohd Jamaludin Mohamed Shamsudin

**AGENDA ATURCARA MESYUARAT AGUNG**

**ALLIED COORDINATING COMMITTEE OF ISLAMIC NGOs MALAYSIA (ACCIN) KE-11**

2.00 ptg - **PERASMIAN MESYUARAT AGUNG KE-11**

- Ucapan Alu-aluan oleh Pengerusi Majlis (MC)
- Bacaan Al-Fatihah dan bacaan Doa
- Ucapan Pembukaan oleh Pengerusi ACCIN
  Tuan Hj Mohd Jamaludin Mohamed Shamsudin (PIM)

2.15 ptg - **Mesyuarat Agung**

**Agenda**:

1. Melantik Pengerusi Mesyuarat Agung ke-11 dan Dua Orang Pencatat Minit Mesyuarat.
2. Membentang dan Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung ke 10 / 2018.
3. Perkara Berbangkit.
4. Membentang Dan Membincang Laporan Tahunan 2018.
5. Membentang Dan Menerima Penyata Kewangan Beraudit Pada Tahun Berakhir Disember 2018.
6. Usul Resolusi 2019
7. Penerimaan barisan baru AJK ACCIN 2019
8. Melantik Juruaudit Luaran dan 1 Orang Pemeriksa Kira-Kira.
9. Pindaan Perlembagaan.
10. Penyerahan Tugas dan Kuasa kepada Sekretariat ACCIN .
11. Ucapan Penangguhan dan Bersurai.

# MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

# KE 10

# 3 MAC 2018

Minit tidak disiarkan dalam laman web.

Sila hubungi Sekretariat untuk maklumat lanjut.

# LAPORAN TAHUNAN

# 2018

# LAPORAN TAHUNAN
# ALLIED COORDINATING COMMITTEE OF ISLAMIC NGO (ACCIN)
# SESI 2018

## PENDAHULUAN

Alhamdulillah, dengan izin ALLAH ACCIN sekali lagi dapat melangsungkan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-11 pada 2 Mac 2019. Sehubungan itu, sebagai makluman, disediakan Laporan Tahunan untuk pembentangan kegiatan aktiviti ACCIN yang telah dilaksanakan bagi tahun 2018.

Untuk laporan aktiviti sepanjang tahun 2018 adalah menurut turutan berikut:

| | | |
|---|---|---|
| 1 | Keahlian | |
| 2 | Pejabat Urusan Sekretariat ACCIN | |
| 3 | Mesyuarat AJK | |
| 4 | Mesyuarat Agung Tahunan ke 10 (MAT 10) | |
| 5 | 3/3 | Seminar Kepimpinan Negara Ke Arah Kecemerlangan Masyarakat |
| 6 | 3/3 | Deklarasi NGO-NGO Islam Sempena Pru 14 |
| 7 | 15/4 | Forum Ilmu Dari Perspektif Golongan Muda (IPGM) |
| 8 | 2/6 | Bicara Pasca Pru 14 |
| 9 | 2/6 | Iftar ACCIN 2018 |
| 10 | 1/7 | Majlis Sambutan Aidilfitri Harmoni 2018 |
| 11 | 30 /7—1/8 | Misi Tinjauan Delegasi Macsa / ACCIN |
| 12 | 14-16 /8 | The 7th World Peace Forum |
| 13 | Memorandum : Kerajaan Perlu Mendekati NGO sebagai Rakan Kongsi Membina Bangsa dan Negara | |
| 14 | 17/10 | Pembentangan Memorandum ACCIN ke JKT IIP |
| 15 | 30/10 | Tayangan : 'I Am Not A Terrorist" & Forum : 'Religious Values In Countering Extremism' |
| 16 | 1-4/11 | Regional Dakwah Conference |
| 17 | 7-8/12 | International Interfaith Peace Conference |
| 18 | 21/12 | Majlis Tahlil Untuk Allahyarham Mohd Adib Mohd Kassim & Sidang Media |
| 19 | 29/12 | Konvensyaen Gabungan Dakwah Malaysia (GDM) 2018 |
| 20 | Kenyataan Media | |
| 21 | Kunjung Hormat | |

## 1. Keahlian

Kehlian ACCIN sehingga 31 Disember 2018 berjumlah 20 anggota ahli gabungan NGOs Islam yang telah berdaftar. Senarai 20 ahli gabungan adalah seperti berikut:

1. Research And Information Centre On Islam (RICOI)
2. Persatuan Darul Fitrah Malaysia (DARUL FITRAH)
3. Persatuan Al-Hunafa' (AL-HUNAFA)
4. Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA)
5. Pertubuhan IKRAM (IKRAM)
6. Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)
7. Persekutuan Seruan Islam Selangor & W.P (JAM'IYAH)
8. Islamic Information & Services Foundation (IIS)
9. Persatuan Dakwah Islamiah & Kebajikan Saudara Baru India Se-Malaysia (AL- Hidayah)
10. Persatuan Ulama' Malaysia (PUM)
11. Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM)
12. Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA)
13. World Assembly Of Muslim Youth (WAMY)
14. Persatuan Kebajikan & Pengubatan Islam Malaysia (DARUSSYIFA)
15. Pergerakan Belia India Muslim Malaysia (GEPIMA)
16. Interactive Muslimah Association (IMAN)
17. Pertubuhan IQRA' Malaysia (PIM)

## 2. Pejabat Urusan Sekretariat ACCIN

PIM telah diamanahkan untuk menerajui ACCIN sebagai Pengerusi.

| | | |
|---|---|---|
| Alamat | : | Tingkat 16, Bangunan PERKIM,150 Jalan Ipoh, 51200 Kuala Lumpur |
| Telefon | : | 03-40512482 |
| Email | : | sekretariataccin@gmail.com |
| Bank | : | Bank Islam Malaysia Berhad |
| No. Akaun | : | 14-014-01-013868-5 |

## 3. **Mesyuarat AJK**

Sebanyak 9 kali Mesyuarat AJK ACCIN telah diadakan dan lazimnya berlangsung pada hari Sabtu minggu pertama setiap bulan bermula jam 10 pagi kecuali ada waktu yang ditunda. Kegagalan untuk mengadakan mesyuarat setiap bulan sekali adalah keran jumlah quorum tidak mencukupi.

**MESYUARAT BULANAN ACCIN 2018**

| **BLN.** | **TARIKH** | **BIL.** | **JUMLAH KEHADIRAN NGO** | **JUMLAH KEHADIRAN ORANG** |
|---|---|---|---|---|
| JAN | **6** | 1/2018 | 14 | 27 |
| FEB | **3** | 2/2018 | 13 | 18 |
| MAC | **3** | **MESYUARAT AGUNG 2018 MAT 10** | | |
| | **31** | **MESYUARAT AGUNG LUAR BIASA 1/2018 (EGM)** | | |
| APR | **7** | 3/2018 | 13 | 18 |
| MEI | | TIADA MESYUARAT | | |
| JUN | **2** | PERBINCANGAN (MESYUARAT BULANAN) | | |
| JUL | **8** | 4/2018 | 18 | 13 |
| OGO | **4** | 5/2018 | 10 | 11 |
| SEP | **1** | 6/2018 | 10 | 11 |
| OKT | **6** | 7/2018 | 10 | 12 |
| NOV | **10** | 8/2018 | 12 | 13 |
| DIS | **1** | 9/2018 | 10 | 13 |

**PRESTASI KEHADIRAN MESYUARAT**

| Bil | Pertubuhan \ Bil | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | ratio |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | PIM | | | | | | | | | | 9/9 |
| 2 | WAMY | | | | | | | | | | 1/9 |
| 3. | ISMA | | | | | | | | | | 1/9 |
| 4 | PERKIM | | | | | | | | | | 8/9 |
| 5 | PUM | | | | | | | | | | 5/9 |
| 6 | Al-Hidayah | | | | | | | | | | 8/9 |
| 7 | IIS | | | | | | | | | | 5/9 |
| 8 | ABIM | | | | | | | | | | 3/9 |
| 9 | Darul Fitrah | | | | | | | | | | 6/9 |
| 10 | IKRAM | | | | | | | | | | 5/9 |
| 11 | MACMA | | | | | | | | | | 7/9 |
| 12 | RICOI | | | | | | | | | | 2/9 |
| 13 | Al-Hunafa | | | | | | | | | | 7/9 |
| 14 | IMAN | | | | | | | | | | 3/9 |
| 15 | Jam'iyah | | | | | | | | | | 3/9 |
| 16 | Darussyifa | | | | | | | | | | 3/9 |
| 17 | GEPIMA | | | | | | | | | | 0/9 |
| 18 | IPSI | | | | | | | | | | 6/9 |
| 19 | PPMM | | | | | | | | | | 6/9 |
| 20 | Global Unity | | | | | | | | | | 4/9 |

## 4. Mesyuarat Agung Tahunan Ke 10 (MAT 10)

Mesyuarat Agung Tahunan Ke 10 telah diadakan pada hari Sabtu 3 Mac 2018 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Aras 3, Blok D, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (untuk butiran lanjut, sila rujuk Minit Mesyuarat yang disertakan).



# LAPORAN AKTIVITI 2018

# SEMINAR KEPIMPINAN NEGARA KE ARAH KECEMERLANGAN MASYARAKAT

**3 MAC 2018**

**DEWAN KULIAH UTAMA API UM**

**PENYERTAAN 200 ORANG MEWAKILI NGO, UM, MEDIA**







**OBJEKTIF**

- Menghimpunkan pandangan pakar daripada pelbagai bidang kepakaran berkaitan kepimpinan Islam.
- Menjelas isu-isu semasa berkaitan dengan ciri-ciri kepimpinan Islam yang dihasratkan oleh masyarakat.
- Menghasilkan deklarasi daripada pakar tentang ciri-ciri kepimpinan Islam dalam masyarakat majmuk yang akan menjadi panduan kepada kepimpinan Negara serta masyarakat Malaysia.
- Menjadi kumpulan NGO-I pengimbang (check and balance) kepada penghasilan kepimpinan Islam dan urus tadbir Negara.

# DEKLARASI NGO-NGO ISLAM SEMPENA PRU 14

**3 MAC 2018**

**DEWAN KULIAH UTAMA API UM**


ACCIN bentang Deklarasi NGO







ACCIN telah mengeluarkan Deklarasi NGO-NGO Islam yang dibentangkan oleh Pengerusi ACCIN Tuan Haji Jamaludin Shamsudin. Satu media akhbar telah dijalankan selepas pembentangan Deklarasi.

# 7.

# FORUM ILMU DARI PERSPEKTIF GOLONGAN MUDA (IPGM)

**15 APRIL 2018**

**DEWAN SRI TEMUAN, DAMANSARA PERDANA**

**PENYERTAAN 100 ORANG MEWAKILI NGO, MUALLAF, ORANG ASLI, INDIVIDU**


Generasi cintakan ilmu bijak bezakan kebenaran, kepalsuan




**OBJEKTIF**

- Menampilkan golongan muda untuk berkongsi dari perspektif mereka akan pentingnya ilmu serta relevannya untuk dunia dan akhirat
- Peranan golongan muda untuk memperkukuhkan agama Islam dan menyebarkannya
- Peranan golongan muda selaku generasi masa depan untuk memimpin dan menjaga negara
- Inspirasi untuk masyarakat menghayati dan menimba ilmu
- Dakwah untuk penyebaran Islam

**OBJEKTIF**:
Menilai tindakan NGO dalam dakwah dan advokasi selepas pilihanraya.




# 8.

**BICARA PASCA PRU 14**
**2 JUN 2018**
**DEWAN TKT 4 PERKIM**
**KEHADIRAN WAKIL NGO, MEDIA**
**ANJURAN: ACCIN**

Majlis berbuka puasa di kalangan ahli ACCIN dan para jemputan

# 9.

**IFTAR ACCIN 2018**
**2 JUN 2018**
**DEWAN TKT 4 PERKIM**
**KEHADIRAN WAKIL NGO, MEDIA**
**ANJURAN:ACCIN**

# MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI HARMONI 2018

**1 JULAI 2018**

**RESTORAN MOHD CHAN, MELAWATI**

**KEHADIRAN 2000 ORANG TERDIRI DARI NGO, MEDIA, INDIVIDU PELBAGAI KAUM DAN AGAMA**











Sambutan ini adalah anjuran bersama 3 gabungan organisasi Islam di Malaysia iaitu Gabungan Dakwah Malaysia (GDM), Allied Coordinating Committee of Islamic NGO (ACCIN) dan Gabungan Ahli Sunnah Malaysia (GASMA).

Objektif penganjuran ini adalah untuk "mewujudkan perpaduan dan keharmonian dalam masyarakat majmuk di Malaysia".

Majlis ini dirasmikan oleh YB Datuk Seri Dr Wan Azizah binti Wan Ismail.

# MISI TINJAUAN DELEGASI MACSA

**30 JULAI - 1 OGOS 2018**

**KG TAGUPI LAUT MUKIN TAMBISAN LAHAD DATU SABAH**

**DELEGASI ACCIN, MACSA, CONCERN, CENTHRA**

**ANJURAN : ACCIN, CONCEN, CENTHRA**



## Gabungan Macsa titik berat perihal penduduk tanpa warganegara

**KOTA KINABALU** – Seramai sembilan aktivis daripada pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam gabungan Malaysian Alliance of Civil Society Organisations in the UPR Process (Macsa) melaksanakan Misi Tinjauan Orang Tanpa Kewarganegaraan (OTK) di Pusat Pembangunan Minda Insan (PPMI) Tagupi, Lahad Datu semalam.

Pengerusi Macsa, Azril Mohd. Amin berkata, misi selama tiga hari itu sebahagian daripada inisiatif Macsa dalam memperkukuhkan Laporan Pemegang Kepentingan Macsa yang telah dihantar ke sesi Semakan Berkala Sejagat, Majlis Hak Asasi Manusia, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada Mac lalu.

"Selain itu, tinjauan ini juga bagi menerokai cadangan dan kesesuaian Malaysia dalam menangani isu OTK terutamanya melibatkan hal berkaitan hak pendidikan dan penjagaan kesihatan anak-anak golongan tersebut.

"Bagi peringkat awal kami menjalankan tinjauan di negeri ini memandangkan hasil kajian menunjukkan Sabah merupakan negeri tertinggi yang berhadapan dengan masalah kanak-kanak ataupun orang muda tanpa kerakyatan," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Tambah Azril, susulan misi itu nanti, pihaknya akan menyiapkan kertas kerja untuk disyorkan kepada Kementerian Luar Negeri bagi mengatasi isu terbabit.

AZHAR (empat dari kanan) bergambar bersama sebahagian penduduk pada Misi Tinjauan Orang Tanpa Kerakyatan di PPMI Tagupi, Lahad Datu semalam.

**OBJEKTIF:**

- Misi Tinjauan Anak-anak, Orang Tanpa Kewarganegaraan (OTK ) di PPMI Tagaupi, Kunak dan Pulau Mabul untuk memperkukuhkan Laporan Pemegang Kepentingan MACSA untuk Semakan Berkala Sejagat, UNHCR. Meneroka solusi berkaitan hak pendidikan dan kesihatan anak-anak golongan OTK.
- Mendapatkan publisiti media untuk membawa isu ini ke pesada umum.

**KANDUNGAN PROGRAM**:

1. Lawatan ke PPMI di empat tempat .
2. Dialog dengan aktivis PPMI dan Haluan yang kendalikan sekolah-sekolah
3. Temuduga dan dialog dengan OTK..
4. Sumbangan duit untuk Lembu Korban dan hadiah untuk kanak-kanak OTK
5. Membawa isu anak-anak OTK melalui Laporan MACSA ke UNHCR dan pihak berwaiib di Putraiava dan Sabah.

**12.**

## THE 7TH WORLD PEACE FORUM

## THE MIDDLE PATH FOR THE WORLD CIVIILISATIONS

**14-16 OGOS 2018**




The 7th World Peace Forum was held in Jakarta from 14 - 16 of August. The theme of the conference was "The Middle Path for the World Civilizations".

Organised by the CDCC, Office of the Special Envoy of the President of Indonesia and Cheng Ho Multi Culture Education Trust.

300 delegates from 50 countries attended the conference which produced the "The Jakarta Message" of peace through the Middle Path for the World Civilizations.

## 13.

## MEMORANDUM

## KERAJAAN PERLU MENDEKATI NGO SEBAGAI RAKAN KONGSI MEMBINA BANGSA DAN NEGARA

ACCIN telah menghantar satu Memorandum kepada Jawatankuasa Tertinggi Institusi Hal Ehwal Islam Peringkat Persekutuan (JKT IIP) di Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja.

Penyimpan-Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja menyatakan memorandum itu bertujuan menyampaikan pendapat termasuk pandangan dan sumbang saran berkenaan tata-urus institusi Islam di negara ini.

Jawatankuasa Tertinggi juga berharap agar pihak yang mengemukakan memorandum dapat mengajukan cadangan-cadangan dan syor-syor penambahbaikan terhadap struktur institusi-institusi berkenaan.

Sebagai menjunjung amanah yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu, setiap memorandum yang diserahkan akan dikendalikan secara sulit dan persendirian bagi menjamin kerahsiaan semua pihak yang terlibat.

## 14.

## PEMBENTANGAN MEMORANDUM ACCIN

## KE JKT IIP

**17 OKTOBER 2018**

**MUZIUM DIRAJA KUALA LUMPUR**

Pengerusi ACCIN, Tuan Haji Jamaludin Shamsudin telah menbentangkan Memorandum ACCIN.

**15.**

## TAYANGAN : ‘I AM NOT A TERRORIST”&

## FORUM : RELIGIOUS VALUES IN COUNTERING EXTREMISM

**30 OKTOBER 2018**

**DEWAN KULIAH UTAMA , API, UM**

**PENYERTAAN 200 ORANG MEWAKILI NGO, UM**

**ANJURAN: ACCIN, UM**







**OBJEKTIF:**

- Membincangkan mengenai nilai agama dalam menangani ektremisme
- Mendedahkan kegiatan-kegiatan salah yang dilakukan di atas nama agama

Anjuran ACCIN dengan kerjasama Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan APIUM dan Pusat Dialog Peradaban UM.

**16.**

# REGIONAL DAKWAH CONFERENCE

**1-4 NOVEMBER 2018**

**KANGAR PERLIS**

**ANJURAN: HCF**




‘Regional Dakwah Conference 6’ (RDC 6) yang akan mengumpulkan pendakwah-pendakwah yang komited dalam dakwah kepada masyarakat bukan Islam dari 25 buah negara Asia Pasifik dan Timur Tengah.

**OBJEKTIF:**

i. Memantapkan dakwah di negara-negara Asia Pasifik.

ii. Menghasilkan beberapa program kolaborasi antara negara Asia Pasifik termasuk melibatkan penyertaan dari kalangan korporat, pendidikan, kebajikan, wanita, belia dan media.

iii. Membekalkan para peserta dengan ilmu dakwah kontemporari dan perkongsian pengalaman dakwah di Asia Pasifik

iv. Mendapatkan penglibatan dan kerjasama daripada agensi/institusi kerajaan.

v. Meneruskan usaha bersama dalam dakwah dan mengukuh hubungan persaudaraan antara peserta.

# 17.

# INTERNATIONAL INTERFAITH PEACE CONFERENCE

**7-8 DISEMBER 2018**

**TOOWOOMBA, AUSTRALIA**





Pengerusi ACCIN, Tuan Haji Mohd Jamaludin Shamsudin telah membentangkan satu kertas bertajuk “Promoting Social Harmony in a Diverse Society” mewakili delegasi Malaysia.

# MAJLIS TAHLIL UNTUK ALLAHYARHAM MOHD ADIB MOHD KASSIM & SIDANG MEDIA

21 DISEMBER 2018

SURAU BANGUNAN PERKIM

ANJURAN: ACCIN, PERKIM, ABIM



Ms.54

SURAT P

**Usah biarkan bara perkauman hancurkan keharmonian**



**Pembentangan kertas putih dialu-alukan**





Majlis Tahlil ini dianjurkan oleh ACCIN, PERKIM dan ABIM yang dilangsungkan di Surau Bangunan PERKIM. Allahyarham Mohd Adib merupakan mangsa keadaan semasa beliau bertugas sebagai anggota bomba ketika rusuhan di Kuil Seafield.

ACCIN, PERKIM dan ABIM telah masing-masing mengeluarkan kenyataan media mengenai isu tersebut.

## 19.

## KONVENSYEN GABUNGAN DAKWAH MALAYSIA (GDM) 2018

**29 DISEMBER 2018**

**HOTEL BANGI PUTRAJAYA**





Gabungan Dakwah Malaysia (GDM) merupakan sebuah gabungan yang berdaftar di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (PPM-019014-20092017). Terdiri dari 40 buah Badan Bukan Kerajaan (NGO) di antaranya PERKIM, Hidayah Centre Foundation dan MACMA. GDM mempunyai misi untuk:

i. Menyelaraskan dakwah kepada golongan belum Islam.
ii. Menyampaikan risalah Islam yang sebenar serta memperbetulkan persepsi yang tidak tepat kepada seramai mungkin golongan belum Islam.
iii. Membantu, membangun dan mengupayakan golongan muallaf.

3. Konvensyen Gabungan Dakwah Malaysia (GDM) adalah satu program yang mengumpulkan para pendakwah yang menjalankan aktiviti - aktiviti dakwah kepada masyarakat belum Islam di Malaysia. Konvensyen ini bertujuan untuk mengiktiraf pencapaian tahun 2018 dan memacu pencapaian 2019 disamping mengiktiraf individu atau organisasi yang banyak menyumbang dalam aktiviti dakwah di Malaysia.

# KENYATAAN MEDIA 2018

# KENYATAAN MEDIA 2018

| | |
|---|---|
| 14 MEI | PERIHAL PEMBENTUKAN KERAJAAN BARU PAKATAN HARAPAN |
| 30 MEI | SEMPENA “BICARA PASCA PRU 14 - KESAN KEPADA NGO-NGO ISLAM |
| 16 JULAI | KENYATAAN SUHAKAM PERIHAL ISU NUKMAN AFIFI |
| 12 SEPT | NGO ISLAM PERLU JADI RAKAN KONGSI INSTITUSI AGAMA |
| 21 DEC | KEMBALINYA KE RAHMATULLAH, ALLAHYARHAM MOHD ADIB MOHD KASSIM |

# KUNJUNG HORMAT

# KUNJUNG HORMAT

**8 OGO** KUNJUNG HORMAT KE CEO MAIWP



**9 OKT** KUNJUNG KE PENGERUSI MAIS

**12 NOV** KUNJUNG HORMAT KE CIMB ISLAMIC BANK



**28 NOV** KUNJUNG HORMAT KE PARLIMEN MENTERI AGAMA YB DR MUJADI YUSOF RAWA

# LAPORAN KEWANGAN

# 2018

Laporan Kewangan tidak disiarkan dalam laman web.

Sila hubungi Sekretariat untuk maklumat lanjut.



Terbitan:
Sekretariat ACCIN 2019
(untuk edaran dalaman sahaja)